

Pemimpin harap isu segera selesai

UM - 13/8/2006
KUALA LUMPUR 12 Ogos - Beberapa pemimpin UMNO hari ini berharap isu kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dapat diselesaikan segera bagi mengelakkan anggota parti terkeliru yang akhirnya menjejaskan perpaduan parti.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad berkata, adalah penting isu itu diselesaikan segera bagi mengelakkan anggota parti terus terkeliru dan boleh menjejaskan sokongan kepada parti pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita jangan lupa tak lama lagi pilihan raya umum akan diadakan, bagaimana hendak kita menghadapinya kalau pucuk pimpinan kita tidak stabil. Saya berdoa mudah-mudahan Tun Dr. Mahathir dan Pak Lah (Abdullah) mencapai satu jalan bagaimana hendak menyelesaikan isu ini," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Masjid Tanah di Alor Gajah, Melaka.

Di **BATU PAHAT**, anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Seri Shahidan Kassim berkata tugas mendamaikan Dr. Mahathir dengan Abdullah bukan sahaja melibatkan tugas individu termasuk dirinya malah adalah menjadi tanggungjawab seluruh anggota UMNO.

Berucap ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita UMNO Bahagian Seri Gading, beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab seluruh anggota parti mendamaikan perbalahan yang berlaku dengan cara perbincangan.

Shahidan yang juga Menteri Besar Perlis berkata usaha menegur para pemimpin tidak seharusnya dibuat di khalayak ramai kerana ini akan menjatuhkan maruah pemimpin.

"Saya tidak mahu kita lari dari pegangan asal. Nak tegur pemimpin kena melalui pertemuan empat mata. Kalau tak boleh, enam mata, lapan mata atau sepuluh mata. Bukan di hadapan ribuan mata.

"Kalau maruah pemimpin jatuh, maka maruah keluarga, negara dan agama juga akan jatuh," katanya.

Di **KUANTAN**, Ketua Puteri UMNO Datuk Noraini Ahmad turut meluahkan rasa sedih apabila pihak pembangkang seperti menanggung di air yang keruh daripada kritikan Dr. Mahathir terhadap kepimpinan Abdullah.

"Kami menghormati Tun Dr. Mahathir sebagai bekas pemimpin negara, dan kepada Datuk Seri Abdullah, kami berdiri teguh menyokong kepimpinannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Puteri UMNO bahagian Indera Mahkota.

Di **TAPAH**, anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Mustapa Mohamed berkata UMNO tidak terjejas akibat kritikan bekas Perdana Menteri itu terhadap kerajaan.

"Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah kita terus memberi penjelasan secara objektif dan berdasarkan fakta. Kita beri penjelasan dan jangan emosional.

"Setakat ini hanya tokoh-tokoh korporat yang kecewa, tokoh (pemimpin UMNO) lama yang bermasalah dan orang di luar parti yang memberikan sokongan (kepada Dr. Mahathir," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Tapah.